



MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) **Jawatan** : PENGHANTAR NOTIS
- (b) **Kumpulan Perkhidmatan** : PELAKSANA
- (c) **Klasifikasi** : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
2. **JADUAL GAJI** : GRED N11

Gaji Minimum - Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM802.00 - RM2,663.00	RM80.00

3. **SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan ; **dan**
(ii) sekurang-kurangnya mempunyai lesen memandu Kelas B2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11:RM847.99)
 - (d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. **TEMPOH PERCUBAAN** : Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama satu (1) hingga tiga (3) tahun.
5. **PENGESAHAN PERKHIDMATAN DALAM** : Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-
 - (a) memenuhi tempoh percubaan ;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda ; dan
 - (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

6. TARAF JAWATAN	:	Tetap
7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN	:	22 MEI 2014 (KHAMIS)
8. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN	:	Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penghantar Notis Gred N11 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

9. CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh diperolehi di pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi dengan bayaran RM1.00 senaskah atau boleh dimuat turun melalui laman web www.mdkt.gov.my dan bayaran borang permohonan hendaklah dibuat menggunakan kiriman wang pos.
- (b) Borang permohonan mestilah disertakan dengan salinan kad pengenalan, sijil kelahiran dan sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik (termasuk Ijazah, Diploma-jika berkenaan), transkrip keputusan peperiksaan semua semester serta sekeping gambar berukuran pasport. Semua dokumen hendaklah di **SAHKAN** daripada salinan asal.
- (c) Permohonan dari pegawai-pegawai sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Penguasa Tempatan/Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab "A" Bil.17.
- (d) Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan dihantar kepada :-

Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi
Jalan Padang
81900 Kota Tinggi
- (e) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

HASRIN KAMAL BIN HASHIM

Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi

Tarikh : 6 Mei 2014

NM.naa>iklanjawatan>penghantar notis